



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PEJABAT PENAPISAN FILEM
ARAS 2, SETIA PERKASA 2, KOMPLEKS SETIA PERKASA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546, PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 3000
Faks : 03-8889 1685
Web : www.moha.gov.my

Rujukan : KDN.PPF.600-1/4/1 JLD.2 (25)

Tarikh : **13** Jun 2024

PENERBIT FILEM

PENGEDAR FILEM

OPERATOR PAWAGAM

YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**KETETAPAN BAHARU BERHUBUNG KEPERLUAN PENYEDIAAN SARI KATA
BAGI TUJUAN PENAPISAN FILEM OLEH LEMBAGA PENAPIS FILEM,
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) Tahun 2024, Kementerian Dalam Negeri telah dilancarkan pada 20 Mei 2024. Antara elemen GPPF terkini yang telah ditambah baik adalah berkaitan dengan teras penapisan filem yang merangkumi tiga (3) aspek utama iaitu:

- i. **Keselamatan dan Ketenteraman Awam;**
- ii. **Keagamaan; dan**
- iii. **Moral dan Sosiobudaya.**

3. Sehubungan itu, satu ketetapan baharu berhubung **keperluan penyediaan sari kata bagi filem yang bukan berbahasa Melayu** juga telah ditetapkan sebagaimana Bahagian 1, Perkara 1, Perenggan 1.7 di dalam GPPF 2024 iaitu:

"Filem yang bukan berbahasa Melayu, sama ada filem tempatan atau luar negara, hendaklah disediakan sari kata bahasa Melayu yang baik dan betul untuk tapisan dan tayangan. Penggunaan sari kata bahasa lain adalah berdasarkan kepada keperluan".

4. Adalah menjadi tanggungjawab semua penerbit/ pengedar filem untuk **memastikan supaya ketetapan berhubung penyediaan sari kata ini serta ketetapan-ketetapan lain yang digariskan di dalam GPPF 2024 dipatuhi.** Permohonan penapisan filem yang tidak mematuhi ketetapan tersebut boleh mengakibatkan sesebuah filem itu tidak dapat diluluskan. Pemakaian ketetapan baharu ini adalah **berkuatkuasa mulai 15 Julai 2024.**


5. Segala kerjasama dan perhatian dengan pihak YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan di dalam mematuhi GPPF Tahun 2024 ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ISMAINUR HADI AMAT BAKERON)

Setiausaha Bahagian
Pejabat Penapisan Filem
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k.:

YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan)
Pengerusi (LPF)